

17/04/1997

Elak buat kenyataan terlalu menekan

KUALA LUMPUR, Rabu - Pemuda Umno mengingatkan semua pihak supaya tidak membuat kenyataan yang terlalu menekan berhubung tindakan Tan Sri Muhammad Muhd Taib mempertahankan tiga lagi jawatan politiknya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata semua pihak perlu mempunyai rasa kasihan dan perikemanusiaan dalam membuat penilaian berhubung keputusan Muhammad itu.

"Memang (menerusi jawatan itu) beliau masih ada hubungan dengan Umno, tetapi `kawan tu dah terduduk macam tu, janganlah terajang dia'. Kita kena ada perasaan kasihan kepada seseorang.

"Ini masa dia, masa kita nanti macam mana. Jadi, bagi dia masa dan kesempatan. Kita kena ada sifat kasihan pada orang lain," katanya kepada pemberita selepas majlis perasmian Ekspo Pencapaian Ekonomi Bumiputera oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, di sini hari ini.

(END)